

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBERKESANAN
AUDIT DALAM DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**



Oleh:

ABDUL RONI BIN BAHAROM

UUM
Universiti Utara Malaysia

**Kertas Penyelidikan ini diserahkan kepada
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia,
Bagi Memenuhi Pengijazahan
Sarjana Sains (Pengurusan)**



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN
(*Certification of Research Paper*)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(*I, the undersigned, certified that*)
ABDUL RONI BIN BAHAROM (814399)

Calon untuk Ijazah Sarjana
(*Candidate for the degree of*)
MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(*has presented his/her research paper of the following title*)

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBERKESANAN AUDIT DALAM DI UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(*as it appears on the title page and front cover of the research paper*)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu
dengan memuaskan.
(*that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered
by the research paper*).

Nama Penyelia Pertama : **DR. HALIMAH @ NASIBAH BINTI AHMAD**
(*Name of 1st Supervisor*)

Tandatangan : 
(*Signature*)

Nama Penyelia Kedua : **DR. DARWINA HJ. AHMAD ARSHAD**
(*Name of 2nd Supervisor*)

Tandatangan : 
(*Signature*)


Tarikh : **28 JUN 2015**
(*Date*)

KEBENARAN MERUJUK

Kertas penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan program Sarjana Sains (Pengurusan). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia menjadikan kertas ini sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas penyelidikan ini untuk tujuan akademik dengan mendapatkan kebenaran dari penyelia kertas penyelidikan atau Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan kertas penyelidikan ini bagi tujuan komersil tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis. Di samping itu, pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan dalam penggunaan sebarang bentuk bahan-bahan yang terdapat di dalam kertas penyelidikan ini. Sebarang permohonan untuk salinan atau menggunakan mana-mana bahan dalam kertas penyelidikan ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:




Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor-faktor audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan terhadap keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia (UUM) berdasarkan persepsi *auditee*. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pegawai kumpulan pengurusan dan professional dari gred 41 hingga gred 54 yang dilantik sebagai *auditee* UUM digunakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data telah dilakukan dan 78 orang responden telah digunakan dalam kajian ini. Regresi Linear Berganda dengan SPSS 22.0 telah digunakan untuk kaedah analisis data. Secara kolektifnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan adalah berpengaruh positif dan signifikan terhadap keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya audit dalam yang kompeten mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ke atas keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia.

Kata kunci: keberkesanan audit dalam, audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee*, sokongan pengurusan.





UUM
Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

This study aimed to study the influence factors of internal audit competent, internal audit independence, internal audit relationship with *auditee* and management support on the effectiveness of internal audit at Universiti Utara Malaysia (UUM) based on the perception of the *auditee*. This study used a quantitative approach. Group management and professional grade from grade 41 to 54 who are appointed as *auditee* UUM were used in this study. Method of data collection was done and 78 respondents were used in this study. Multiple Linear Regression with SPSS 22.0 was employed for methods of data analysis. The results of this study showed that collectively all factors have positively significant on the effectiveness of internal audit. However, individually, only competent internal audit, has a positive significant relationship on the effectiveness of internal audit at Universiti Utara Malaysia.

Keywords: : effectiveness of internal audit, internal audit competent, internal audit independence, internal audit relationship with *auditee*, management support



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Puji dan syukur penulis panjatkan kehadiran Allah SWT, atas berkat dan rahmat-Nya penulis dapat menyelesaikan kertas penyelidikan ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Darwina Haji Ahmad Arshad dan Dr. Halimah @ Nasibah Ahmad selaku penyelia yang telah berkorban masa dan tenaga memberi bimbingan, bantuan, petunjuk, cadangan dan ulasan tanpa mengira masa sehingga terhasilnya kertas penyelidikan ini.

Kertas penyelidikan ini sudah tentu tidak dapat disempurnakan tanpa sokongan padu dan kerjasama dari ahli keluarga terutama isteri Salmah Hassan dan anak-anak. Kalian semua menjadi pendorong kepada kejayaan ini dan semoga Allah memberkatinya.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada sahabat-sahabat seprogram, yang sama-sama melalui susah, senang, cabaran dan kepayahan dalam memenuhi keperluan program ini, atas kekeluargaan dan kebersamaan selama ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua Pensyarah yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh pengajian ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua responden yang memberi kerjasama dan maklumbalas terhadap borang soal selidik yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

JADUAL KANDUNGAN

MUKASURAT

KEBENARAN MERUJUK	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
JADUAL KANDUNGAN	vii
LAMPIRAN RAJAH	xi
LAMPIRAN JADUAL	xii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang.....	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.3.1 Objektif Umum	8
1.3.2 Objektif Khusus	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Organisasi Kajian.....	11
2.0 ULASAN KARYA	13
2.1 Pengenalan	13

2.2	Teori Kajian.....	13
2.2.1	Teori Agensi	13
2.2.2	Teori Persepsi	14
2.3	Audit Dalam	15
2.3.1	Pengertian Audit Dalam	15
2.3.2	Tujuan Audit Dalam	16
2.3.3	Fungsi Audit Dalam	16
2.4	Audit Dalam Di Malaysia	17
2.5	Audit Dalam di Universiti Utara Malaysia	19
2.6	Audit Dalam dan <i>Auditee</i>	20
2.6.1	Peranan Audit Dalam dan <i>Auditee</i>	21
2.6.2	Hubungan Audit Dalam dan <i>Auditee</i>	25
2.6.3	Persepsi <i>Auditee</i> Terhadap Audit Dalam	26
2.7	Keberkesanan Audit Dalam.....	27
2.7.1	Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Audit Dalam	29
2.8	Kesimpulan	32
3.0	RANGKAKERJA KAJIAN.....	33
3.1	Pengenalan	33
3.2	Rangkakerja Kajian	33
3.3	Pembangunan Hipotesis	37
3.4	Hipotesis Kajian	39
3.4.1	Audit Dalam Yang Kompeten	39

3.4.2	Kebebasan Audit Dalam	40
3.4.3	Hubungan Audit Dalam dan <i>Auditee</i>	41
3.4.4	Sokongan Pengurusan	42
3.5	Kesimpulan	44
4.0	METODOLOGI KAJIAN	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Populasi dan Persampelan.....	45
4.3	Jenis dan Sumber Data	46
4.4	Kaedah Pengumpulan Data.....	46
4.5	Pembolehubah Kajian	48
4.5.1	Pembolehubah Bersandar	48
4.5.2	Perbolehubah Bebas	49
4.6	Kaedah Analisis Data	53
4.7	Kesimpulan	54
5.0	HASIL KAJIAN:ANALISA DATA DAN PERBINCANGAN..	55
5.1	Pengenalan	55
5.2	Kadar Maklumbalas Soalselidik	55
5.3	Analisa Profail Responden.....	56
5.4	Analisa Diskriptif	60
5.5	Analisa Kebolehpercayaan.....	61
5.6	Analisa Statistik Inferensi	63
5.6.1	Ujian Korelasi Pearson	63

5.7	Analisa Regresi Berganda	65
5.8	Keputusan Hipotesis	67
5.9	Kesimpulan	67
6.0	KESIMPULAN, LIMITASI DAN CADANGAN	
6.1	Kesimpulan	69
6.2	Limitasi	69
6.3	Cadangan	70
	 Rujukan	 71
	Lampiran A: Borang Soalselidik	75
	Lampiran B: Analisa Demografi Responden.....	82
	Lampiran C: Analisa Diskriptif	86
	Lampiran D: Analisa Korelasi.....	92

LAMPIRAN RAJAH

MUKASURAT

Rajah 2.1	Struktur Organisasi Unit Audit Dalam	20
Rajah 3.1	Rangkakerja Kajian	35



UUM
Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN JADUAL

MUKASURAT

i.	Jadual 1.1 : Perbandingan Kajian Keberkesanan Audit Dalam	4
ii.	Jadual 3.1: Hubungan Objektif, Persoalan dan Hipotesis Kajian.....	38
iii.	Jadual 4.1 : Elemen Audit Dalam Yang Kompeten	50
iv.	Jadual 4.2 : Elemen Keberkesanan Aaudit Dalam	51
v.	Jadual 4.3 : Elemen Hubungan Audit Dalam dengan <i>Auditee</i>	52
vi.	Jadual 4.4 : Elemen Sokongan Pengurusan	53
vii.	Jadual 5.1 : Maklumat Peribadi Responden	57
viii.	Jadual 5.2 : Maklumat Perkhidmatan Responden	58
ix.	Jadual 5.3 : Jadual Pengkelasan Min	60
x.	Jadual 5.4 : Statistik Min dan Sisihan Piawai	61
xi.	Jadual 5.5 : Asas Nilai Cronbach's Alpha	62
xii.	Jadual 5.6 : Ujian Reliabiliti	63
xiii.	Jadual 5.7 : Ujian Korelasi Pearson	64
xiv.	Jadual 5.8 : Jadual Ringkasan Model	65
xv.	Jadual 5.9 : Jadual Anova	66
xvi.	Jadual 5.10: Jadual Analisa Regresi	66
xvii.	Jadual 5.11: Pengujian Hipotesis	67

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Institut of Internal Auditors (IIA), sebuah badan antarabangsa yang diiktiraf telah mendefinisikan audit dalam sebagai “satu aktiviti perundingan yang bebas dan berobjektif, bertujuan untuk penambahbaikan dan peningkatan operasi organisasi” (IIA, 2009). Audit dalam membantu organisasi mencapai objektifnya melalui pendekatan yang spesifik dan sistematik untuk menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan kewangan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko di organisasi”.(IIA, 2009).

Terdapat pelbagai skandal dan isu yang berlaku dalam organisasi yang boleh mendatangkan kepincangan dalam keberkesanan pelaksanaan pengurusan kewangan, kawalan dalaman dan tadbir urus di organisasi. Ini menyebabkan peranan audit dalam semakin ketara diperlukan lanjutan dari pelbagai isu-isu pengurusan, integriti dan ketirisan yang berlaku khususnya dalam perkhidmatan awam. Audit dalam berperanan membantu pengurusan daripada berlakunya kesalahan, ketidakcekapan dan penyelewengan agar ianya efektif, berkesan dan mencapai sasaran yang ditetapkan (Ketua Audit Negara, (2012). Keadaan inilah yang menyebabkan kenapa hubungan pengurusan dan audit dalam perlu rapat dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

Juruaudit dalam berperanan mengenalpasti kelemahan dan kesilapan serta mengesyorkan cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dalam organisasi. Bagaimanapun, pelbagai faktor yang bersangkutan dengan audit dalam perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan keberkesannya dan menghindar sebarang salah laku daripada berlaku. Peranan sebeginilah yang menyebabkan audit dalam sentiasa dilabel dengan persepsi sebagai pihak yang mencari kesalahan dan menimbulkan masalah kepada *auditee*. Walau bagaimanapun, audit dalam dianggap masih tidak mencapai objektif dan peranannya berdasarkan pelbagai kes-kes salahlaku dan skandal di dalam sektor awam. Isu-isu ini menyebabkan timbulnya pelbagai persoalan tentang keberkesanan audit dalam di Malaysia.

IIA (2015) telah membuat penambahbaikan terhadap “International Practices Framework (IPPF)” yang telah dikeluarkannya berkaitan prinsip asas keberkesanan fungsi audit dalam iaitu integriti, cekap dan professional, bebas, kesamaan strategi, sumber yang mencukupi dan kedudukan yang bersesuaian, berkualiti dan penambahbaikan yang berterusan, komunikasi yang efektif, pakar rujuk berkaitan risiko, mahir dan proaktif serta membantu dalam peningkatan organisasi. Dalam keadaan ini, ianya sangat penting untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan peranan audit dalam.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah signifikan untuk mengkaji sejauhmana faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan audit dalam; seperti

mana kajian-kajian empirikal yang lepas oleh, (Mihret and Yismaw, (2007), Ahmad et. al., (2009), Arena and Azzone, (2009), Cohen and Sayag, (2010) dan Amanuddin, (2014). Contohnya Mihret and Yismaw, (2007) yang membuat kajian di universiti awam di Ethiopia mendapati cadangan audit tidak diberi perhatian dan sokongan sepenuhnya oleh pihak pengurusan.

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, pengukuran tahap keberkesanan audit dalam adalah kompleks dan bersifat subjektif bergantung kepada keperluan sesuatu pihak. Kajian ini mengreplikasi kajian-kajian yang lepas yang mengenalpasti aspek-aspek dalam hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman.

Faktor-faktor yang dipilih adalah berasaskan kepada faktor-faktor yang dikenalpasti dari International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing (ISPPIA) yang dikeluarkan oleh Institute of Internal Auditors (IIA). Di samping itu, maklumat lain khususnya kajian-kajian lepas berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

Bagaimanapun, tumpuan khusus diberikan terhadap kajian- kajian lepas yang mana responden adalah bukan juruaudit dalam. Berdasarkan tinjauan, kebanyakan kajian yang telah dibuat sebelum ini menggunakan juruaudit dalam sebagai responden . Kajian-kajian yang dijadikan rujukan adalah seperti di Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Perbandingan kajian keberkesanan audit dalam

<i>PENYELIDIK</i>	<i>RESPONDEN</i>	<i>SKOP KAJIAN</i>	<i>HASIL KAJIAN</i>
Amanuddin (2014)	Pengurus di TNB (400 orang)	Keberkesanan Audit Dalam	<ul style="list-style-type: none"> i. Audit dalam dilihat disudut yang positif dari persepsi pengurus TNB ii. Hubungan yang signifikan antara pembolehubah dan audit dalam perlu ada faktor-faktor ini untuk menjadi efektif.
Sifile Obert (2014)	Pihak pengurusan dan pekerja (330 orang)	Keberkesanan Audit Dalam	<ul style="list-style-type: none"> i. Audit dalam bukan mencari kesalahan ii. Pengurusan berperanan penting untuk audit dalam berkesan iii. Persepsi negatif adalah dari orang yang ada masalah iv. Persepsi negatif sebab audit dalam gagal v. Audit dalam gagal buat seperti diharapkan.
Arena dan Azzone (2009)	Pengurus (153 orang)	Keberkesanan Audit Dalam	Keberkesanan audit dalam akan bertambah bila staf bertambah, pengurusan baik dengan audit dalam, menggunakan teknik risk based dan audit luar terlibat dalam aktiviti audit dalam.
Mihret dan Yismaw (2007)	Pengurus (Set B – 122 orang)	Keberkesanan Audit Dalam	Sokongan Pengurusan, organisasi audit dan kualiti audit dalam mempunyai pengaruh signifikan terhadap keberkesanan audit dalam tetapi ciri-ciri audit tidak berpengaruh signifikan.

Kajian ini dipilih bertujuan untuk memastikan samada faktor-faktor yang akan dinyatakan nanti mempengaruhi keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia berdasarkan persepsi *auditee*, dengan harapan membantu meningkatkan keberkesanan peranan dan prestasi audit dalam di Universiti Utara Malaysia. Peranan audit dalam semakin penting bagi membantu pihak pengurusan dan kajian ini bertujuan menyiasat kepentingan audit dalam di organisasi serta peranan dan sumbangan yang boleh diberikannya untuk kemajuan dan kepentingan pengurusan organisasi.

1.2 Penyataan Masalah


Pelbagai isu-isu pengauditan berbangkit di dalam agensi kerajaan lanjutan dari laporan Ketua Audit Negara seperti isu-isu pembaziran, pembelian pada harga yang tinggi dan salahguna peruntukan yang diberi serta kesalahan-kesalahan yang dilakukan secara berulang-ulang. Ini terbukti melalui ucapan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara Malaysia:

“ tahun demi tahun, Jabatan Audit Negara mendedahkan kelemahan dan penyelewengan dalam perolehan awam di semua peringkat, samada di peringkat Persekutuan, kerajaan negeri dan tempatan juga dalam badan-badan berkanun. Beberapa kelemahan dan penyelewengan ini melibatkan pelanggaran garis panduan perolehan dan prosedur yang telah ditetapkan.”
(Ucapan Ketua Audit Negara, 2012).

Kenyataan Ketua Audit Negara ini memberi cabaran kepada proses audit dalam organisasi supaya berfungsi dengan lebih baik dan berkesan. Dalam keadaan sebegini, audit dalam dilihat sebagai entiti bebas yang boleh membantu mengawal perkara sebegini dari berulang melalui fungsi dan peranannya dalam menyediakan laporan audit yang berkualiti dan berkesan. Ini bertujuan mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan agensi awam. Secara prinsip, audit dalam mempunyai hak dan kemampuan untuk mendapatkan semua maklumat atau dokumen untuk kerja-kerja pengauditannya. Semua pihak yang berkepentingan akan mendapat manfaatnya jika audit dalam berperanan berdasarkan prinsipnya.

Audit dalam menjadi entiti pemantau, penasihat berkaitan isu-isu risiko di samping menyumbang kepada penambahbaikan kepada prosedur dan peraturan di organisasi (Arena and Azzone, 2009; Cohen and Sayag, 2010). Manakala menurut Alzeban dan Gwilliam (2014), audit dalam yang kompeten, hubungan audit dalam dan audit luaran, sokongan pengurusan dan kebebasan audit dalam juga adalah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Kekurangan pengalaman dan kepakaran merupakan faktor utama audit dalam tidak dapat berfungsi dengan berkesan di agensi awam di Malaysia (Azham et al., 2012).

Bagaimanapun, keberkesanan audit dalam di sektor awam ini bergantung kepada pelbagai faktor sepertimana dinyatakan oleh *The Institute of Internal Audit* (IIA), (2010) iaitu *Nine Elements Required for Internal Audit Effectiveness in the Public Sector: A Global Assessment Based on The IIA's 2010 Global Internal Audit Survey*). Sembilan (9) faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam di sektor awam tersebut adalah kebebasan audit dalam, had dan kuasa, akses yang tidak terhad, sumber kewangan yang mencukupi, pengurusan yang kompeten, kakitangan yang objektif, kakitangan yang kompeten, sokongan pengurusan atasan dan berfungsi mengikut standard audit yang diterima pakai.



Dalam pada itu, mungkin berguna ditunjukkan juga ringkasan kajian – kajian lepas berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Berdasarkan faktor-faktor seperti yang tersebut, pengkaji ingin mengenalpasti apakah faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam di sektor awam secara spesifiknya di Universiti Utara Malaysia. Faktor-faktor tersebut ialah faktor audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan berdasarkan perspektif *auditee* di Universiti Utara Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada objektif umum dan objektif khusus.

1.3.1 Objektif Umum

Umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam berdasarkan persepsi *auditee*.

1.3.2 Objektif Khusus

Secara khususnya, kajian ini adalah berasaskan kepada objektif berikut:

- i. Untuk mengkaji hubungan antara audit dalam yang kompeten dengan keberkesanan audit dalam.
- ii. Untuk mengkaji hubungan antara kebebasan audit dalam dengan keberkesanan audit dalam.
- iii. Untuk mengkaji hubungkait antara hubungan audit dalam dan *auditee* dengan keberkesanan audit dalam.
- iv. Untuk mengkaji hubungan antara sokongan pengurusan dengan keberkesanan audit dalam.
- v. Untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Adakah audit dalam yang kompeten mempengaruhi keberkesanan audit dalam
- ii. Adakah kebebasan audit dalam mempengaruhi keberkesanan audit dalam
- iii. Adakah hubungan audit dalam dengan *auditee* menyumbang kepada keberkesanan audit dalam.
- iv. Adakah sokongan pengurusan mempengaruhi keberkesanan audit dalam
- v. Apakah faktor yang paling dominan yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mendapatkan gambaran mengenai persepsi *auditee* terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Selain itu, diharapkan hasil dari kajian ini dapat memberikan manfaat dan sumbangan dalam aspek teori dan amalan kepada pelbagai pihak.

Bagi bidang akademik, secara teorinya kajian ini diharap dapat memberi sumbangan melalui tambahan maklumat dan ilmu untuk tujuan rujukan berkenaan dengan isu-isu pengauditan. Selain itu, dapat menambahkan bilangan hasil kajian berkaitan keberkesanan audit dalam di sektor awam khususnya kajian melibatkan *auditee* melalui bukti-bukti empirikal yang diperolehi.

Manakala dari sudut perlaksanaannya, kajian ini boleh membantu pihak pengurusan untuk mendapatkan lebih maklumat dan pemahaman tentang audit dalam, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam serta memahami dan melaksanakannya sesuai dengan peranannya.

Bagi pihak audit dalam pula, kajian ini diharap dapat diambil maklum untuk membolehkan mereka memahami pandangan pihak *auditee* terhadap mereka serta mengetahui tentang faktor-faktor yang boleh membantu keberkesanan peranannya.

1.6 Skop kajian

Kajian ini terbatas kepada responden-responden yang terdiri daripada semua Pegawai Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – Gred 54) yang bertugas di semua Pusat Tanggungjawab di Universiti Utara Malaysia.

Responden yang akan dipilih ini adalah merupakan *auditee* yang semestinya pernah terlibat secara langsung semasa proses pengauditan oleh audit dalam yang dijalankan di semua Pusat Tanggungjawab yang terlibat.

1.7 Organisasi Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini dibahagikan kepada enam bab utama untuk membolehkan penemuan dan perbincangan mengenainya lebih sistematik dan mudah difahami. Bab satu kajian ini membincangkan secara umum tentang keseluruhan kajian iaitu pengenalan dan latar belakang kajian. Seterusnya dibincangkan tentang pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop serta organisasi kajian.


Bab dua pula membincangkan berkenaan ulasan karya melalui tinjauan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan keberkesanan audit dalam dan faktor-faktornya. Di samping itu dibuat sorotan mengenai fungsi dan peranan audit dalam dan *auditee*.

Seterusnya, dalam bab tiga ia membincangkan berkenaan rangkakerja kajian berhubung dengan pembangunan hipotesis berkaitan kajian yang hendak dilakukan.

Bab empat pula memberi penjelasan berhubung metodologi kajian, persoalan kajian, pembolehubah yang terlibat serta kaedah-kaedah yang akan digunakan untuk membuat dan mendapatkan hasil kajian.

Manakala, bab lima pula menjelaskan tentang analisa terhadap hasil data-data dan maklumat kajian yang diperolehi dari responden dan perbincangan berkenaannya. Ia juga melibatkan perbincangan berkenaan analisis-analisis statistik yang digunakan.

Akhir sekali, bab enam merangkumi maklumat dan keputusan berhubung penemuan yang diperolehi melalui rumusan, limitasi dan cadangan yang hendak dikemukakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia.



BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Secara umumnya, bab ini adalah berkenaan rujukan yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan berkaitan cadangan kajian ini. Dalam kajian kes ini, ulasan karya meliputi penjelasan tentang teori berkaitan audit dalam, maksud audit dalam dan *auditee*, fungsi audit dalam, keberkesanan audit dalam dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Kajian-kajian lepas ini akan dijadikan sumber rujukan dan perbandingan untuk menyokong cadangan kajian yang hendak dilakukan.

2.2. Teori Kajian

Secara umumnya, penelitian tentang fungsi dan peranan audit dalam melibatkan rujukan kepada Teori Agensi dan Teori Persepsi.

2.2.1 Teori Agensi

Secara umum, teori yang membincangkan berkenaan dengan audit dalam adalah teori agensi yang melibatkan hubungan antara pihak pengurusan dan

pihak berkuasa agensi (Lembaga Pengarah). Pengurusan berfungsi bagi pihak Lembaga Pengarah dengan beberapa kuasa yang diberikan. Bagaimanapun, hubungan kerja kedua-dua pihak ini akan berbangkit apabila timbulnya sesuatu perkara atau isu yang melibatkan kepentingan masing-masing. Contohnya ada ketikanya keputusan yang dibuat tidak memuaskan hati salah satu pihak berkenaan. Keadaan ini menyebabkan perlunya pandangan bebas dari pihak yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan.

Bagaimanapun, wujudnya audit dalam dan jawatankuasa audit akan membantu kedua-dua pihak ini untuk memastikan organisasi berfungsi tanpa masalah-masalah yang tidak sepatutnya. Audit dalam akan bertindak sebagai pihak berkecuali yang akan memantau bagi pihak lembaga pengarah organisasi. Audit dalam berfungsi menyemak kebolehpercayaan maklumat yang diberikan serta mencadangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan (Jabatan Audit Negara, 2011).

2.2.2 Teori Persepsi

Pada dasarnya persepsi didefinisikan sebagai suatu bentuk penilaian terhadap suatu objek. Pengertian persepsi menurut Robbins (2006) ialah “satu proses di mana individu menerima maklumat dan membuat keputusan berdasarkan pemahamannya terhadap sesuatu perkara yang memberi kesan kepadanya”. Mengikut Robbins (2006), faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi

terbahagi tiga iaitu faktor individu itu sendiri, faktor keadaan dan faktor pihak yang menyebabkan persepsi itu wujud.

Persepsi juga dipengaruhi oleh pengalaman semasa atau pengetahuan lepas yang menyebabkan pandangan terhadap sesuatu berlaku walaupun ianya sangat subjektif dan tidak seperti yang difikirkan. Ini berkaitan dengan tujuan kajian ini untuk mengetahui tentang persepsi *auditee* terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

2.3 Audit Dalam


2.3.1. Pengertian Audit Dalam

Audit dalam didefinisikan sebagai satu fungsi bebas yang memberi pengesahan dan khidmat nasihat secara objektif untuk menambahbaik dan mempertingkatkan tahap operasi di dalam organisasi (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004).

Institut Akauntan Malaysia (MIA) (2010) pula mendefinisikan audit dalam sebagai satu aktiviti bebas, yang memberi jaminan keyakinan serta perundingan yang dirancang untuk memberikan penambahbaikan kepada kegiatan atau operasi organisasi. Institut Juruaudit Dalam (IIA), (2012) telah mendefinisikan audit dalam sebagai satu aktiviti yang objektif dan bebas yang berfungsi untuk memberi penambahbaikan kepada pengurusan organisasi.

Audit dalam membantu melalui pendekatan yang tertentu untuk menilai dan membantu keberkesanan proses kerja di dalam organisasi.

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1 bertajuk “Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri” mendefinisikan audit dalam sebagai satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi dengan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan proses kawalan dan tadbir urus.



UUM

2.3.2. Tujuan Audit Dalam

Tujuan penubuhan audit dalam adalah untuk menentukan semua maklumat dan laporan kewangan tepat, sahih dan boleh dipercayai, mengenalpasti risiko, memastikan peraturan dan prosedur dipatuhi, sumber-sumber digunakan secara cekap serta memastikan hasrat dan tujuan organisasi tercapai (Institut of Internal Auditor (IIA) , 2012).

2.3.3 Fungsi audit dalam

Audit dalam berfungsi untuk menjalankan

- i. Audit operasi,


Menjalankan pengauditan terhadap prosedur dan peraturan berkaitan operasi di dalam organisasi bagi menentukan keberkesanan dan kecekapannya.

ii. Audit kewangan,

Pengauditan ke atas maklumat dan laporan kewangan untuk memastikan semuanya boleh diterima dan dipercayai.

iii. Audit pematuhan

Pengauditan untuk memastikan semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan telah dipatuhi sepenuhnya.



2.4 Audit Dalam Di Malaysia

UUM

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 9 Tahun 2004 telah menyebut objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai serta menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Tanggungjawab dan bidang tugas Unit Audit Dalam di sektor awam meliputi semua agensi kerajaan dengan tertubuhnya unit audit dalam serta peranan yang sama oleh Jabatan Audit Negara bagi agensi-agensi yang tidak mempunyai audit dalam.

Pelbagai penambahbaikan tatacara atau prosedur diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan atau memastikan perkhidmatan yang lebih baik. Ini akan memastikan semuanya lebih telus, bertanggungjawab dan melibatkan sumbangan pihak atau agensi luar sama dalam proses kerja atau membuat keputusan di dalam agensi kerajaan (Nabiha et al, 2013).

Bagaimanapun, sektor awam di Malaysia tetap dikritik kerana kekurangan tadbir urus yang baik dalam perkhidmatannya. Ini berdasarkan teguran dalam ucapan Ketua Audit Negara Malaysia:

“...setiap tahu Jabatan Audit Negara mengeluarkan laporan berkenaan kelemahan dan ketidakpatuhan dalam proses perolehan di sektor awam, samada di peringkat persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan termasuklah badan-badan berkanun persekutuan dan negeri. Sebahagian dari kelemahan dan ketidakpatuhan ini melibatkan pelanggaran prosedur dan peraturan yang serius” (ucapan Ketua Audit Negara, 2012).

Ketua Audit Negara (2014) dalam ucapannya juga telah membangkitkan persoalan tentang apakah tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa terhadap pihak yang bertanggungjawab terhadap kesalahan, pembaziran dan penipuan yang dibangkitkan oleh audit negara bagi kes-kes berprofil tinggi seperti Skandal Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang, kes *National Feedlot Corporation*, kes projek pelabuhan Ikan Tuna dan pelbagai lagi kes-kes yang kurang berprofil tinggi. Beliau mempersoalkan berapa ramai yang telah

didakwa di mahkamah dan berapa ramai yang telah diambil tindakan. Ia sampai ke tahap ramai berpendapat tiada gunanya laporan audit jika tiada apa-apa tindakan susulan dibuat ke atasnya. Akhirnya, masalah ini akan berbalik kepada Jabatan Audit Negara dan masyarakat akan mempersoalkan tentang keberkesanan audit dalam.


Berdasarkan situasi di atas, perkhidmatan dan tadbir urus di sektor awam perlu dibuat penambahbaikan. Salah satu kaedah untuk melaksanakannya adalah melalui peranan audit dalam. Audit dalam mestilah memainkan peranan yang lebih penting bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti agar perkhidmatan di sektor awam dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi (Goodson et al. 2012).

2.5. **Audit Dalam di Universiti Utara Malaysia**

Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan pada 16 Julai 1987 berdasarkan statut penubuhan universiti dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti Utara Malaysia. Penubuhannya adalah sebagai memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979. Pekeliling ini telah dibatalkan pada 12 Oktober 2004 dan diganti dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004). Peranan unit audit dalam telah diperincikan oleh Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

Unit Audit Dalam akan berfungsi untuk membantu pengurusan melalui pemeriksaan dan penilaian terhadap maklumat operasi, kewangan dan pematuhan terhadap peraturan yang berkuatkuasa. Penilaian dibuat berupa semakan terhadap kawalan pengurusan untuk mengukur dan menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan kewangan serta pematuhan prosedur dan peraturan di dalam organisasi.

Rajah 2.1: Struktur Organisasi Unit Audit Dalam



2.6 Audit Dalam dan Auditee

Audit dalam adalah pihak yang melaksanakan proses audit. *Auditee* pula adalah pihak atau organisasi yang sedang diaudit. Semua orang yang

berinteraksi dengan audit dalam disebut sebagai *auditee*. Secara umumnya, dapatlah dinyatakan bahawa peranan utama dalam proses pengauditan adalah pihak audit dalam dan *auditee*. Situasi ini tidak berbeza samada di dalam sektor awam atau swasta / korporat.

Dalam proses pelaksanaan audit, antara audit dalam dan *auditee* saling memerlukan antara satu sama lain. Audit dalam berperanan untuk membuktikan dan memastikan proses dan prosedur kerja *auditee* adalah sesuai dan memenuhi semua standard yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, *auditee* pula ingin mengetahui adakah proses kerja dan tindakannya selama ini adalah memuaskan dan mematuhi semua keperluan peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Keadaan inilah yang disebutkan sebagai proses *check and balance*.

Hubungan kerja antara audit dalam dan *auditee* sangat penting kerana ketelusan dan kepercayaan antara kedua-dua pihak ini sangat bermakna dan penting dalam proses '*check and balance*' seperti yang diinginkan. Kajian oleh Amanuddin (2014) juga menyokongnya.

2.6.1 Peranan Audit Dalam dan *Auditee*

Kaedah pengauditan yang dilaksanakan oleh audit dalam atau Jabatan Audit Negara merupakan elemen yang sangat penting untuk memastikan pengurusan dan tadbir urus sektor awam yang cekap dan berkesan. Audit

dalam adalah entiti yang berkecuali. Dengan itu, setiap penilaian yang dibuat mereka telus dan bebas bagi memastikan sumber awam diurus secara cekap dan berkesan untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Seterusnya audit dalam akan memberikan syor atau cadangan penambahbaikan yang praktikal jika didapati ada kekurangan atau ketidakpatuhan semasa pengauditan dilakukan.

Secara khusus, audit dalam sebenarnya berperanan membantu agensi kerajaan bagi mencapai akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan, menambah baik prosedur dan operasi serta memberi keyakinan kepada ‘*stakeholder*’ (orang awam, masyarakat, pihak swasta dan pihak berkuasa) melalui ketelusan di dalam laporannya.

Contohnya Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan setiap tahun sentiasa membentangkan pelbagai penemuan hasil dari pengauditan mereka untuk pengetahuan rakyat dan *stakeholders*. Keadaan yang sama berlaku kepada audit dalam di mana laporannya akan dibentangkan sehingga ke peringkat Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Kehadiran audit dalam selalunya menimbulkan situasi kurang selesa di pihak *auditee* sama ada di organisasi sektor swasta mahupun awam. Persepsi atau situasi sebegini boleh menjejaskan kelancaran dan kecepatan proses pengauditan di dalam agensi berkenaan (Ali. et. al., 2012). Pandangan *auditee* yang sebegini sebenarnya memberi kesan terhadap kerja-kerja yang hendak

dilakukan oleh audit dalam di dalam memenuhi keperluan plan audit seperti yang telah dirancang.

Berdasarkan Garis Panduan Audit Dalam yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1 bertajuk “Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri”, audit dalam berfungsi untuk menjalankan:

- i. Audit Kewangan (mengaudit terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk memastikan semua perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan) dan
- ii. Audit Prestasi (pengauditan terhadap aktiviti dan operasi organisasi bagi memastikan matlamatnya telah dicapai dan sumber telah digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan).

Peranan audit dalam telah berubah mengikut peredaran masa. Dahulu, audit dalam berperanan untuk membuat pemeriksaan dan memberi pandangan berkaitan kawalan dalaman untuk memastikan organisasi beroperasi secara efektif dan cekap serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, sekarang peranan audit dalam telah menjurus kepada membuat penilaian terhadap pengurusan risiko organisasi, tadbir urus,

akauntabiliti dan integriti serta berfungsi membantu jawatankuasa audit agensi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya (Zirawati, 2015).

Auditee pula berperanan membantu proses pengauditan yang dilakukan oleh audit dalam di agensi. *Auditee* hendaklah bekerjasama dengan audit dalam melalui pendedahan penuh terhadap semua aktiviti, maklumat, dokumen yang diperlukan dan tidak menyembunyikannya dari pengetahuan audit dalam. Di samping itu, *auditee* juga berperanan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap penemuan atau teguran yang telah dibuat oleh audit dalam hasil dari pengauditan yang dijalankan.

Auditee hendaklah menganggap semua penemuan dan teguran audit sebagai sesuatu yang positif kerana kesannya dapat membantu dalam proses kerja dan perkhidmatan menjadi lebih cekap dan sistematik. Teguran-teguran dari audit dalam yang sebegini membolehkan ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam tadbir urus agensi kerajaan dipertingkatkan dan memberi kesedaran kepada *auditee* supaya pengurusan kewangan kerajaan diurus secara cekap dan berhemah, tambahan pula dalam situasi ekonomi semasa yang kurang memuaskan.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dinyatakan bahawa fungsi dan peranan audit dalam yang sebegini dapat membantu *auditee* melalui teguran atau laporan serta memberi cadangan penambahbaikan yang akan dapat memberi nilai tambah atau memperbaiki perkhidmatan di dalam oorganisasi. Keadaan

sebegini akan membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sesebuah organisasi.

2.6.2 Hubungan Audit Dalam dan *Auditee*

Hubungan kerja audit dalam dan *auditee* menyebabkan kedua-dua pihak saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Keadaan ini menyebabkan audit dalam perlu memahami aspek hubungan sesama manusia (*human relation*) dan kaedah komunikasi yang betul kerana faktor-faktor ini amat membantu untuk kerja-kerja pengauditan bagi mendapat kerjasama dan bantuan yang diperlukan dari *auditee* (Bailey, 2010). Ini penting bagi mengurangkan jurang semasa berkomunikasi, mengelakkan salah tafsir *auditee* dan menimbulkan sikap keterbukaan menerima pihak audit dalam. Hubungan sebegini membolehkan kelancaran proses pengauditan khususnya melibatkan penemuan bukti-bukti audit yang penting dan perlu tindakan selanjutnya oleh *auditee*.

Hubungan kerja sebegini menyebabkan pemahaman terhadap teori persepsi dan komunikasi sangat perlu supaya kedua-dua pihak ini dapat berfungsi secara sepatutnya bagi merealisasikan dan memenuhi kehendak skop tugas dan tanggungjawab masing-masing. Penelitian Mints dalam Sawyer (2003), mengumpulkan banyak bukti mengenai pentingnya pelaksanaan audit tanpa rasa kesangsian dipihak yang diaudit. Kajian yang dilakukan meliputi

penglibatan dua pasukan audit yang masing-masing menggunakan pendekatan yang berlawanan.

2.6.3 Persepsi *Auditee* Terhadap Audit Dalam

Umumnya, persepsi adalah salah satu ciri sikap yang wujud dalam diri seseorang yang membuat penilaian atau respon terhadap sesuatu sepertimana dinyatakan oleh Kotler (2006). Sebagai contoh, penemuan atau hasil pengauditan oleh audit dalam mendapati berlaku kebocoran maklumat tender atau kesalahan pembayaran yang perlu dilaporkan segera kepada pihak atasan, maka persepsi *auditee* terhadap audit dalam secara automatik akan terus berbeza berbanding sebelumnya.

Keadaan sebegini memungkinkan persepsi yang berbeza antara audit dalam dan *auditee*. Misalnya penemuan hasil pengauditan seperti di atas. Sudah tentu pihak *auditee* atau organisasi tidak bersetuju perkara sebegini akan sampai dan dilaporkan kepada pihak atasan. Bagaimanapun, audit dalam terikat dan berpegang pada prinsip dan etika pengauditannya yang perlu melaporkan semua penemuan audit kepada pihak atasannya (Jabatan Audit Negara, 2010).

Hiro (2007) pula berpendapat amat sukar untuk audit dalam mendapat kerjasama atau bantuan dari *auditee* apabila melaksanakan kerja-kerja audit

dan adalah sesuatu yang menghairankan jika *auditee* memberi kerjasama sepenuhnya apabila auditan dilakukan. Ali, et. al. (2012) juga mempunyai pandangan yang serupa.

Terdapat pelbagai faktor yang akan menyebabkan wujud persepsi sebegini terhadap audit dalam. Faktor-faktor tersebut adalah seperti pengalaman *auditee* yang telah diaudit oleh audit dalam, pandangan umum terhadap audit dalam, pengaruh dari rakan sekerja, komitmen kerja dari audit dalam sendiri ataupun tanggapan *auditee* sendiri yang audit dalam tidak diperlukan kerana penemuan audit nanti akan memberi masalah kepada mereka.

Keadaan sebegini jelas menunjukkan persepsi *auditee* mempengaruhi peranan dan tanggungjawab audit dalam. Ini kerana persepsi sebegini akan mempengaruhi kerjasama, hubungan dan komunikasi antara audit dalam dan *auditee* semasa proses pengauditan. Apabila keadaan seperti di atas berlaku, sudah tentu kelancaran proses pengauditan antara audit dalam dan *auditee* terganggu. Persepsi sebegini mempengaruhi cara dan penerimaan *auditee* terhadap audit dalam.

2.7 Keberkesanan Audit Dalam

Keberkesanan audit dalam bermaksud kemampuan audit dalam untuk mencapai atau memenuhi kehendak fungsi dan peranannya yang telah

ditetapkan. Keberkesanan audit dalam diperkatakan sekarang ini kerana timbul pelbagai isu yang menunjukkan audit dalam `terlepas pandang' berkenaan berdasarkan pelbagai isu dalam laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Van Gansberghe (2005) berpendapat semakin banyak tindakan atas teguran audit maka semakin berkesanlah peranan audit dalam. Bagaimanapun, Mihret dan Yismaw (2007) menekankan bahawa penemuan audit dan cadangannya tidak membawa sebarang makna jika pihak pengurusan tidak melaksanakannya. Manakala Sawyer (2007) juga berpendapat tujuan pengauditan tidak akan tercapai sehinggalah kekurangan atau kesilapan dapat diperbetulkan. Ini disokong oleh Mizrahi dan Ness-Weisman (2007) yang juga berpendapat audit dalam hanya akan berkesan apabila kekurangan/kesilapan dapat diperbetulkan.

Mizrahi and Ness-Weisman (2007) berpendapat keberkesanan audit dilihat melalui jumlah dan skop penemuan dan pembetulan semasa dan selepas proses pengauditan. Bagaimanapun, Shoosmuangpak dan Ussahawanitchakit (2009) pula berpendapat keberkesanan audit dalam adalah bermaksud objektif audit telah dipenuhi apabila laporan dan bukti dari pengauditan mendapati maklumat, dokumen dan laporan kewangan yang disediakan telah memenuhi prinsip perakaunan diterima umum.

Arena and Azzone (2009) menyatakan bahawa peratus cadangan audit dilaksanakan oleh *auditee* adalah kaedah pengukuran yang tepat tentang keberkesanan audit dalam. Cristina & Cristina (2008) pula berpendapat kajian secara kualitatif, kuantitatif dan kedua-duanya merupakan kaedah paling signifikan untuk mengukur keberkesanan audit dalam. Mereka juga mencadangkan supaya kedua-dua kaedah kajian ini (kualitatif dan kuantitatif) dilaksanakan terhadap pihak pengurusan dan pihak yang diaudit supaya hasilnya dapat dijadikan asas untuk membantu meningkat dan memberi nilai tambah kepada organisasi.

2.7.1 Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Audit Dalam

Pelbagai kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam telah dilakukan oleh ramai penyelidik sebelum ini. Antaranya ialah Mihret dan Yismaw (2007) yang telah membuat kajian tentang keberkesanan audit dalam di sektor awan di Ethiopia. Kajian tersebut dilakukan dengan menggunakan kaedah soalselidik kepada juruaudit dalam dan pengarah unit audit dalam.

Pengkaji juga telah menggunakan dokumen audit seperti plan audit, program audit, rekod dan laporan audit untuk menghasilkan data *sekunder*. Keputusan dari kajian mereka mendapati audit yang berkualiti dan sokongan pengurusan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keberkesanan audit dalam,

manakala struktur organisasi audit dan sifat (atribut) audit dalam tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap keberkesanan audit dalam.

Arena dan Azzone (2009) telah menjalankan kajian terhadap faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Penelitian tersebut dilakukan dengan kaedah soalselidik menggunakan sampel sebanyak 153 organisasi di Italy. Hasil kajian mereka mendapati keberkesanan audit dalam akan meningkat jika bilangan kakitangan audit dalam bertambah, organisasi melaksanakan pengurusan dan penilaian risiko dan jawatankuasa audit terlibat dalam proses pelaksanaan audit dalam.

Kajian oleh Amanuddin (2014) ke atas faktor audit dalam yang bebas, audit dalam yang kompeten, hubungan audit dalam dengan audit luar, kerja-kerja di luar skop audit dan hubungan dengan *auditee* mendapati faktor-faktor ini mempengaruhi keberkesanan audit dalam dan bagaimana faktor ini juga menimbulkan masalah kepada audit dalam.

Kajian juga telah dilakukan oleh Abdulaziz dan David Gwiliam (2014) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam di sektor awam di Arab Saudi. Kajian telah dibuat terhadap 203 pengurus dan 239 juruaudit dalam di 79 agensi sektor awam di Arab Saudi. Hasil kajian mendapati bahawa audit dalam yang kompeten, hubungan antara audit dalam dan audit luar, kebebasan audit dalam dan sokongan pengurusan menyumbang dan membantu keberkesanan fungsi audit dalam di sektor awam

Arab Saudi. Hasil kajian mereka mendapati sokongan pengurusan sebagai salah satu faktor utama dalam keberkesanan audit dalam.

Alzeban dan Sawan (2013) pula berpendapat masalah utama yang dihadapi oleh audit dalam untuk mencapai keberkesanan peranannya di sektor awam di Arab Saudi adalah kerana kebanyakan kakitangan audit dalam kurang berkelayakan untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan dan pengurusan atasan tidak memberikan sokongan yang sepatutnya kepada audit dalam.

Amanuddin (2015) melalui kajiannya mendapati faktor audit dalam yang kompeten, audit dalam yang bebas dan sokongan pengurusan atasan mempunyai hubungan yang positif signifikan dengan keberkesanan audit dalam. Kajian oleh Halimah et al. (2009) pula mendapati kualiti audit dalam adalah faktor yang paling mempengaruhi keberkesanan audit dalam dan diikuti oleh sokongan sepenuhnya dari pihak atasan di dalam sektor awam di Malaysia. Kajian oleh Noor Nizah (2012) juga telah menyebut maklumbalas dari pengurusan atasan terhadap cadangan audit dalam merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan fungsi audit dalaman sektor awam di Malaysia.

2.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa keberkesanan audit dalam adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti yang telah dibincangkan dalam bab ini. Daripada pelbagai faktor yang telah dikaji berhubung keberkesanan audit dalam, pengkaji akan memilih empat (4) daripadanya untuk dijadikan asas bagi kajian tentang hubungan di antara faktor-faktor ini dengan keberkesanan audit dalam.



BAB TIGA

RANGKAKERJA KAJIAN

3.1 Pengenalan

Berdasarkan perbincangan di bab dua berkenaan kajian-kajian lepas dan teori yang berkaitan, bab ini akan membincangkan berkenaan rekabentuk kajian, konsep dan kaedah pembentukan hipotesis, hipotesis-hipotesis yang berkaitan daripada kajian-kajian lepas serta hipotesis kajian yang hendak digunakan dalam kajian ini.

3.2 Rangkakerja Kajian

Rangkakerja kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu hendak dilakukan (Sabitha, 2006).

Rangkakerja ini juga berfungsi sebagai panduan untuk membantu penyelidik dalam proses merancang, memungut, menganalisis dan membuat tafsiran atau analisa hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan.

Rangkakerja kajian ini dibentuk berdasarkan hubungan keberkesanan audit dalam dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Peranan audit dalam membantu pengurusan akan berjaya jika audit dalam berfungsi dengan berkesan. Keberkesanan ini bergantung pula kepada peranan semua pihak dalam organisasi seperti audit dalam, pengurusan dan kakitangan. Pihak inilah

merupakan fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.


Menurut The IIA's *Supplemental Guidance: The Role of Auditing in Public Sector Governance*, 2nd edition (2012), keberkesanan audit dalam adalah tertakluk kepada sembilan (9) faktor utama yang penting untuk aktiviti atau operasi audit dalam di sektor awam iaitu kebebasan audit dalam, had dan kuasa, akses yang tidak terhad, sumber kewangan yang mencukupi, pengurusan yang kompeten, kakitangan yang berobjektif, kakitangan yang kompeten, sokongan pengurusan atasan dan berfungsi mengikut standard audit yang diterima umum.

Berdasarkan kajian ke atas penyelidikan lepas serta garis panduan yang dikeluarkan oleh IIA's *Supplemental Guidance: The Role of Auditing in Public Sector Governance*, 2nd edition (2012) berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam, pengkaji membuat keputusan untuk memilih empat (4) faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam khususnya yang dirasakan mempunyai kaitan dan hubungan kerja dari perspektif pihak yang diaudit (*auditee*) sepertimana ditunjukkan di dalam Jadual 3.1

Kajian ini akan menggunakan rangkakerja kajian seperti di Rajah 3.1 di bawah:

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar



Rajah 3.1: Rangkakerja kajian

Kajian ini merujuk kepada empat (4) kajian lepas yang memilih *auditee* sebagai responden. Kajian tentang *Internal Audit Effectiveness: An Ethiopian Public Sector Case Study*, oleh Mihret dan Yismaw (2007) menggunakan sokongan pengurusan, kedudukan audit dalam di organisasi, kualiti audit dalam dan personaliti *auditee* sebagai pembolehubah bebas dan keberkesanan audit dalam sebagai pembolehubah bersandarnya. Kajian mendapati ketiga-tiga faktor kecuali personaliti *auditee* berpengaruh positif terhadap keberkesanan audit dalam.

Manakala kajian oleh Arena dan Azzone (2009) mendapati keberkesanan audit dalam akan bertambah apabila staf bertambah, pengurusan baik dengan audit dalam, menggunakan teknik ‘*risk based*’ dan audit luar terlibat dalam aktiviti audit dalam. Kajian ini juga merujuk kepada kajian yang telah dibuat oleh Sifile Obert (2014) di Hwange, Zimbabwe berkenaan persepsi *auditee* terhadap audit dalam, sebab-sebab persepsi negatif tersebut wujud dan bagaimana kesan akibat daripada persepsi tersebut.

Selain itu, Alzeban dan Gwilliam (2014) yang meneliti tentang faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam di sektor awam dengan menggunakan faktor staf audit dalam yang kompeten, hubungan audit dalam dan audit luar, audit dalam yang bebas dan sokongan pengurusan sebagai faktor yang mempengaruhi.

Kajian oleh Amanuddin (2014) ke atas faktor-faktor audit dalam yang bebas, audit dalam yang kompeten, hubungan antara audit dalam dengan audit luar, serta kerja-kerja di luar skop audit dan hubungan dengan *auditee* sebagai pembolehubah bebas, mendapati faktor-faktor tersebut mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Beliau juga membincangkan berkenaan isu-isu berkaitan faktor ini yang menimbulkan masalah kepada keberkesanan fungsi audit dalam.

3.3 Pembangunan Hipotesis

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu seperti di Jadual 1.1 (mukasurat 4), dapatlah dinyatakan bahawa keberkesanan audit dalam dipengaruhi secara signifikan oleh pembolehubah-pembolehubah berikut iaitu audit yang berkualiti, sokongan pengurusan, struktur organisasi audit, sifat (atribut) audit, pengalaman audit, pengurusan risiko, audit dalam yang bebas, audit dalam yang kompeten, hubungan audit dalam dengan audit luar dan hubungan audit dalam dengan *auditee*.

Dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang menggunakan pembolehubah-pembolehubah seperti di atas, pengkaji memilih empat (4) pembolehubah bebas yang didapati bersesuaian dengan responden yang akan dipilih untuk diuji perhubungannya dengan keberkesanan audit dalam sebagai pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas tersebut adalah audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan.

Berdasarkan pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian seperti di bab satu, hipotesis kajian dibangunkan sebagai panduan seterusnya bagi kajian ini. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan hubungkait antara ketiga-tiga faktor ini untuk membolehkan proses analiasa hasil kajian dapat dibuat dan dibincangkan nanti.

Jadual 3.1: Hubungan antara objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis

kajian

OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN	HIPOTESIS KAJIAN
i. Untuk mengkaji hubungan antara audit dalam yang kompeten dengan keberkesanan audit dalam	i. Adakah audit dalam yang kompeten mempengaruhi keberkesanan audit dalam	i. H1: Audit dalam yang kompeten mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam
ii. Untuk mengkaji hubungan antara kebebasan audit dalam dengan keberkesanan audit dalam.	ii. Adakah kebebasan audit dalam mempengaruhi keberkesanan audit dalam	ii. H2:Kebebasan audit dalam mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.
iii. Untuk mengkaji hubungkait antara hubungan audit dalam dan <i>auditee</i> dengan keberkesanan audit dalam.	iii. Adakah hubungan audit dalam dengan <i>auditee</i> mempengaruhi keberkesanan audit dalam.	iii. H3: Hubungan audit dalam dan <i>auditee</i> mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam
iv. Untuk mengkaji hubungan antara sokongan pengurusan dengan keberkesanan audit dalam.	iv. Adakah sokongan pengurusan mempengaruhi keberkesanan audit dalam	iv. H4: Sokongan pengurusan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.
v. Untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.	v. Apakah faktor yang paling dominan mempengaruhi keberkesanan audit dalam.	

3.4 Hipotesis Kajian

Setelah menyelidik kajian-kajian lepas (Mihret dan Yismaw, 2007; Cohen & Sayag, 2010; Arena dan Azzone, 2009) dan Amanuddin (2014) khususnya berkaitan faktor-faktor audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam, maka beberapa hipotesis telah direkabentuk seperti berikut:

H1: Audit dalam yang kompeten mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam

H2: Kebebasan audit dalam mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.

H3: Hubungan audit dalam dan *auditee* mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam

H4: Sokongan pengurusan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam

3.4.1 Audit Dalam Yang Kompeten

Jabatan Audit Negara (2011) berkenaan kod etika juruaudit sektor awam menyebut bahawa audit dalam memerlukan pengetahuan, skil dan lain-lain kompetensi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Skil berkomunikasi (mendengar, berhubung, menulis dan bercakap) yang cekap juga penting untuk membolehkan audit dalam berjaya menjalankan fungsinya

(Smith, 2005). Audit Dalam sukar untuk berfungsi dengan baik dan berkesan kerana mempunyai staf yang kekurangan kepakaran dan pengalaman (Ali et al., 2007). Manakala kajian oleh Mihret et.al (2010), berpendapat kakitangan audit dalam yang kompeten dan mendapat latihan secara berterusan penting untuk keberkesanan audit dalam.

Kajian oleh Gwilliam & El-Nafabi, (2002) di sektor awam Sudan pulamendapati kekurangan staf yang berkecukupan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan peranan audit dalam. Kecekapan berkomunikasi oleh audit dalam juga merupakan faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam (A.Bailey, 2010). Jadi hipotesis untuk faktor ini adalah:

H1: Audit Dalam yang kompeten mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam

3.4.2 Kebebasan Audit Dalam

Kebebasan bermaksud bebas daripada campurtangan pengurusan semasa audit dalam menjalankan pengauditan dan mengeluarkan laporan mengenainya (Ahmad & Taylor, 2009) supaya laporan tersebut boleh diterima dan dipercayai. Institute of Internal Auditors (IIA), (2013) berpendapat kebebasan audit dalam mesti wujud dan terpelihara untuk memastikan keberkesanan

dan menghindarkan kesalahan dan penipuan dari berlaku. Ini sebagai memenuhi prinsip dan amalan oleh audit dalam iaitu integriti, objektiviti, kompeten dan mengekalkan kerahsiaan.

Manakala kajian (Emmanuel, 2013) mendapati audit dalam yang bebas perlu untuk mengelakkan dari campurtangan oleh pihak luar yang mempunyai kepentingan. Hasil kajian Cohen dan Sayag (2010) serta Alzeban dan Gwilliam (2014) juga menyatakan bahawa kebebasan audit dalam sangat penting kerana ia mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Jadi, hipotesis kedua adalah:

H2: Kebebasan audit dalam mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.

3.4.3 Hubungan Audit Dalam dengan *Auditee*

Adalah penting wujud hubungan yang baik antara audit dalam dan *auditee* dalam organisasi. Jika tidak wujud, kedua-dua pihak akan bermasalah dan tidak selesa dalam hubungan kerja. Hubungan yang baik penting kerana membolehkan kerjasama dan pemahaman skop kerja masing-masing menjadi mudah dan lancar.

Bagaimanapun keadaan sebenar tidak menggambarkan seperti yang diharapkan kerana masalah komunikasi dan kurang memahami peranan audit dalam sebagai pemeriksa bebas di dalam organisasi. Ini menyebabkan nilai dan kepentingan audit dalam kurang dihargai di dalam organisasi (Ali et al., 2012).

Kajian oleh Mihret dan Yismaw (2007) mendapati hubungan antara audit dalam dan *auditee* sebagai salah satu daripada lima (5) faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Tanpa sokongan dan pemahaman dari *auditee*, audit dalam menghadapi masalah melaksanakan tugasnya yang secara tidak langsung mempengaruhi keberkesanan audit dalam. Kajian oleh Amanuddin (2014) juga berpendangan sedemikian. Jadi, kajian menetapkan hipotesis ketiga sebagai.

H3: Hubungan audit dalam dan *auditee* mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.

3.4.4 Sokongan Pengurusan

Juruaudit dalam perlu ada hubungan yang baik dengan pengurusan untuk memudahkan kerja-kerja auditnya. Mereka memerlukan sokongan dan persepsi yang positif dari pengurusan untuk berfungsi dengan berkesan dan mencapai objektifnya. Sokongan pengurusan bermaksud menyokong proses melaksana audit seperti menyediakan bajet kewangan, latihan dan penggunaan

teknologi baru. Di samping itu, pelaksanaan cadangan dan penemuan audit oleh pihak pengurusan sangat berkaitan dan membantu keberkesanan audit dalam (Sarens &, Beelde, 2006).

Leung, Cooper and Robertson, (2004) berpendapat sokongan pengurusan akan mewujudkan prestasi kerja yang memuaskan oleh audit dalam kerana ia boleh mempengaruhi keputusan, mengekalkan tahap objektiviti, integriti dan kompeten dalam kerja-kerja mereka. Mihret dan Yismaw (2007) menyatakan bahawa sokongan pengurusan merupakan salah satu faktor penting di samping kualiti audit dalam bagi mewujudkan keberkesanan audit dalam. Ini sesuai dengan pandangan Ketua Audit Negara dalam ucaptamanya di Seminar Audit Dalaman pada tahun 2007, audit dalaman hanya boleh memainkan peranan mereka dengan berkesan jika mereka mendapat sokongan sepenuhnya dari pihak pengurusan atasan.

Halimah @ Nasibah et al. (2009) yang menjalankan kajiannya di sektor awam di Malaysia telah mendapati audit dalaman sukar untuk berfungsi dan berperanan dengan berkesan kerana wujudnya masalah kurang mendapat sokongan daripada pihak pengurusan atasan. Kajian oleh Alzeban dan Gwilliam (2014) serta George et al. (2015) juga mendapati adanya hubungan yang positif signifikan antara sokongan pengurusan dengan keberkesanan audit dalaman.

Ini meyakinkan pandangan oleh Noor Nizah (2012) menyebut maklumbalas dari pihak atasan terhadap penemuan dan laporan yang dikeluarkan oleh audit dalam merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan fungsi audit dalaman sektor awam di Malaysia. Jadi hipotesis terakhir untuk kajian ini adalah:

H4: Sokongan pengurusan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.

3.5 Kesimpulan

Dalam bab ini, ia membincangkan berkenaan pembentukan rangka kajian dengan merujuk kepada faktor atau pembolehubah yang bersesuaian dengan cadangan kajian yang hendak dibuat oleh penulis. Bab ini juga membincangkan berkenaan proses pembentukan hipotesis bagi kajian ini dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan cadangan. Ini untuk memudahkan proses seterusnya bagi kajian ini.

BAB EMPAT

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, ia membincangkan tentang kaedah yang akan digunakan untuk merungkai persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah dibina dalam bab 3. Ia bermula dengan penjelasan tentang penggunaan kaedah-kaedah dan strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat kuantitatif kajian. Kemudian, ia akan disusuli dengan penjelasan tentang instrumen dan prosedur kutipan data yang akan digunakan dan bagaimana data tersebut dianalisis.

4.2 Populasi dan Persampelan


Populasi bermaksud sekumpulan samada orang, peristiwa, kejadian atau maklumat yang akan dijadikan sandaran untuk membuat keputusan bagi kajian yang dilakukan. Populasi dalam kajian ini adalah pegawai pengurusan dan professional Gred 41 – Gred 54 di Universiti Utara Malaysia.

Sampel adalah bermaksud sebahagian dari populasi atau responden yang dipilih untuk dijadikan asas kepada kajian. Bagaimanapun sampel tidak digunakan kerana semua populasi dipilih sebagai responden. Pemilihan semua

populasi sebagai sampel membolehkan semua pihak memberi maklumbalas supaya data yang diperolehi nanti dapat diterima sepenuhnya.

4.3 Jenis dan sumber data

Jenis data yang digunakan dalam kajian ini adalah data primer. Data primer merupakan data yang diperolehi terus dari responden berdasarkan soalselidik yang telah diedarkan. Data ini menunjukkan maklumat berkenaan responden dan pandangan atau jawapan responden terhadap persoalan yang dikemukakan melalui soalselidik tersebut. Dalam kes ini, pengkaji menggunakan data yang diperolehi terus dari responden yang merupakan pegawai pengurusan dan professional Gred 41 – Gred 54 di Universiti Utara Malaysia.



UUM
Universiti Utara Malaysia

4.4 Kaedah pengumpulan data

Data diperolehi melalui soalselidik yang telah diedarkan kepada semua responden. Soalselidik yang disediakan telah disesuaikan dengan hipotesis kajian dan ulasan karya yang berkaitan serta contoh soalselidik dari kajian-kajian lepas. Pertamanya, soalselidik dipilih dan disesuaikan dengan kajian berdasarkan tiga (3) kajian lepas yang berkaitan iaitu Alzeban & David Gwilliam (2014), Mihret (2010) dan Dragolas (2015), merupakan kaedah

yang dicadangkan untuk metodologi kajian yang sebegini (Bryman and Bell,2007).

Soalselidik ini mengandungi empat puluh empat (44) soalan dan dibahagikan kepada enam (6) bahagian. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan profail demografi responden. Bahagian-bahagian lain soalan mengandungi soalan-soalan berskala Likert iaitu Bahagian B berkaitan keberkesanan audit dalam, Bahagian C mewakili Audit dalam yang kompeten. Bahagian D berkenaan Kebebasan audit dalam. Seterusnya, bahagian E berkaitan Hubungan audit dalam dan *auditee*, Bahagian F berkaitan Sokongan Pengurusan dan akhir sekali Bahagian G berkaitan Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam mengikut keutamaan.

Soalselidik berkenaan dihantar secara serahan tangan, serahan pos dan email kepada setiap responden. Ini untuk membolehkan penyelidik dapat mengutip dan mengumpul kembali borang soalselidik berkenaan dalam tempoh yang singkat. Di samping itu, jika timbul sebarang keraguan atau salah faham terhadap soalan, dapat diperjelas dan diperbetulkan oleh pengkaji dengan segera dan juga dapat menjelaskan berkaitan tujuan kajian dilakukan. Ini bersesuaian dengan pandangan Sekaran & Bougie (2013) yang menyatakan kutipan data menggunakan kaedah soalselidik akan membantu penyelidik mendapatkan data untuk di analisa dengan cepat dan tepat kerana maklumat dalam soalselidik selalunya tepat dan mudah difahami.

Target responden adalah semua populasi pegawai pengurusan dan professional Gred 41 – Gred 54 yang berjumlah 248 orang. Penyelidik mengurus sendiri edaran dan kutipan soalselidik berkenaan. Daripada 248 soalselidik yang diedarkan, 78 soalselidik telah dikembalikan yang mewakili 31.45% dari soalselidik yang dikeluarkan.

4.5 Pembolehkan Kajian

Dalam kajian faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam yang dibuat secara kuantitatif ini, dua pembolehkan yang digunakan adalah pembolehkan bersandar dan pembolehkan bebas.

4.5.1 Pembolehkan bersandar


Merupakan pembolehkan utama yang menjadi faktor yang berlaku dalam kajian ini. Pembolehkan bersandar dalam kajian ini adalah keberkesanan audit dalam. Dalam kajian ini, keberkesanan audit dalam diukur berdasarkan faktor audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan.

a. Keberkesanan Audit Dalam

Keberkesanan adit dalam bermaksud kemampuan audit dalam untuk mencapai atau memenuhi kehendak fungsi dan peranannya yang telah ditetapkan.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Abdulaziz dan David Gwiliam (2014), keberkesanan audit dalam diukur dengan memberi skor ke atas aspek dari segi fungsi dan peranan audit dalam yang berkaitan dengan perancangan audit, pemeriksaan audit, siasatan audit, kawalan dalaman serta laporan dan tindakan oleh audit dalam.

Persepsi responden terhadap penunjuk tersebut akan diukur menggunakan 5 penunjuk skala Likert (Sekaran & Bougie, 2013) sebagaimana berikut di mana jawapan 1 bermaksud “sangat tidak setuju”, 2 mewakili ‘tidak setuju’, 3 ‘tidak pasti’, 4 adalah ‘setuju’ dan 5 yang menunjukkan “sangat setuju”.



UUM

4.5.2 Pembolehubah bebas.


Pembolehubah bebas adalah pembolehubah yang mempengaruhi pembolehubah bersandar samada secara positif / signifikan ataupun negatif / tidak signifikan. Kajian ini memberi tumpuan kepada pembolehubah bebas yang mungkin memberi impak positif / signifikan ke atas pembolehubah bersandar iaitu keberkesanan audit dalam. Empat (4) pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* serta sokongan pengurusan.

Kesemua pembolehubah bebas telah diadaptasi dari kajian-kajian lepas oleh Alzeban & David Gwilliam (2014), Mihret (2010) dan Dragolas (2015). Data

yang akan diperolehi adalah dari semua *auditee* dan maklumat berkenaan pembolehubah bebas ini menggambarkan persepsi *auditee* terhadap audit dalam di Universiti Utara Malaysia.

a. Audit dalam yang kompeten

Pembolehubah audit dalam yang kompeten diukur dengan memberikan penekanan kepada elemen-elemen seperti pengetahuan, kemahiran (skill), profesionalisma, pengalaman serta penemuan dan cadangan audit. Item-item soalselidik dibentuk untuk membolehkan *auditee* menilai semua isu berkaitan audit dalam seperti terdapat dalam elemen-elemen tersebut. Maklumatnya adalah seperti Jadual 4.1 berikut:



Jadual 4.1: Elemen audit dalam yang kompeten

Elemen	Item
Pengetahuan	Juruaudit dalaman memiliki pengetahuan yang bersesuaian untuk mengaudit jabatan anda
Kemahiran (Skill)	Audit dalam mempunyai kemahiran di dalam melaksanakan kerja-kerja audit
Profesionalisma	Audit dalam boleh dianggap professional di dalam melaksanakan tugas mereka
Pengalaman	Audit dalam mempunyai pengalaman untuk kerja auditnya
Penemuan dan Cadangan Audit	Penemuan audit adalah betul Penemuan audit disokong oleh bukti yang mencukupi Cadangan-cadangan audit dalam adalah membina

b. **Kebebasan Audit Dalam**

Pembolehkan kebebasan audit dalam diukur dengan memberikan tumpuan kepada elemen-elemen yang ada atau diberikan kepada pihak audit dalam. Elemennya adalah seperti had kuasa, kebebasan, konflik dan struktur organisasi audit tersebut. Item-item dibentuk supaya *auditee* boleh menilai atau memberi pandangan menegenainya. Maklumat adalah seperti Jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2: **Elemen Kebebasan Audit Dalam**

Elemen	Item
Had Kuasa	Audit dalam dapat mengakses semua maklumat/ dokumen di jabatan anda
Kebebasan	Audit dalam bebas untuk mengaudit /menemuramah staf apabila diperlukan. Audit dalam bebas untuk menyemak maklumat/ dokumen yang diperlukan semasa audit Kakitangan audit dalaman adalah bebas untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab professional mereka
Konflik	Konflik jarang terdapat dalam kerja-kerja Juruaudit Dalaman Juruaudit Dalaman jarang menghadapi gangguan oleh pihak pengurusan semasa mereka menjalankan tugas
Struktur Audit	Struktur / kedudukan audit dalam dalam organisasi adalah bersesuaian dengan fungsinya

c. Hubungan Audit Dalam dan *Auditee*

Pembolehkan hubungan audit dalam dan *auditee* diukur dengan memberikan tumpuan kepada elemen-elemen yang berkaitan dengan *auditee* sendiri untuk menilai hubungan mereka dengan audit dalam dari segi sikap, komunikasi dan kerjasama.

Maklumat mengenainya adalah seperti Jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3: **Elemen Hubungan Audit Dalam dan *Auditee***

Elemen	Item
Sikap	Audit dalam bersikap peramah Audit dalam mempunyai sikap yang baik terhadap <i>auditee</i> Audit dalam memberi peluang sewajarnya untuk membuat sebarang penerangan
Komunikasi	Audit dalam berbincang dahulu dengan anda sebelum proses pengauditannya Audit dalam berkomunikasi dengan baik dan efektif
Kerjasama	Audit dalam mendapat kerjasama dari <i>auditee</i> untuk memperolehi maklumat /dokumen yang diperlukan Audit dalam mendapat kerjasama dari <i>auditee</i> untuk menemuramah kakitangan organisasi apabila diperlukan

d. Sokongan Pengurusan

Pembolehkan Sokongan Pengurusan diukur dengan memberikan tumpuan kepada elemen yang mempunyai hubungan terus dengan pihak pengurusan. Ia bertujuan menilai elemen yang melibatkan faktor-faktor maklumbalas,

komunikasi dan komitmen pihak pengurusan terhadap audit dalam berdasarkan perspektif *auditee*.

Maklumat mengenainya adalah seperti Jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4: Elemen **Sokongan Pengurusan**

Elemen	Item
Maklumbalas	<p>Pengurusan meminta <i>auditee</i> untuk melaksanakan cadangan-cadangan audit yang dikemukakan</p> <p>Pengurusan meminta <i>auditee</i> untuk memberikan maklumbalas atas penemuan dan cadangan audit</p>
Komitmen	<p>Pengurusan menekankan kepentingan audit dalam di dalam organisasi / jabatan</p> <p>Pengurusan menunjukkan sokongan secara terbuka kepada audit dalam</p>

4.6 Kaedah Analisis Data

Data-data hasil kajian ini yang diperolehi akan dinalisis menggunakan analisa diskriptif untuk menunjukkan maklumat berkaitan demografik responden yang terlibat. Analisa korelasi akan digunakan untuk menilai kesan faktor-faktor ini yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

Untuk menganalisa data, Statistical Package for Social Sciences (SPSS) akan digunakan. Analisis Cronbach's Alpha akan digunakan bagi mengukur samada data tersebut konsisten dan boleh dipercayai. Bagaimanapun, untuk menentukan hubungan antara pembolehubah dan menguji hipotesis kajian, analisa korelasi dan regresi digunakan.

4.7 Kesimpulan

Melalui bab ini, pemilihan populasi responden, jenis, sumber dan kaedah pengumpulan data serta pembolehubah yang akan digunakan telah dibincangkan. Kaedah analisis data kajian yang akan digunakan juga telah di perjelaskan dengan lengkap untuk memudahkan proses menganalisa data di bab seterusnya.



BAB LIMA

HASIL KAJIAN: ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan analisa terhadap data-data dan membincangkan tentang hasil penemuan kajian yang telah diperolehi dari soalselidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pegawai pengurusan dan professional gred 41 – gred 54. Analisa dimulakan dengan analisa diskriptif yang membincangkan berkenaan kadar respon soalselidik berkaitan umur, jantina, gred, status dan tempoh perkhidmatan..

Keputusan terhadap analisa kebolehpercayaan serta analisa regresi dan korelasi juga akan dibincangkan. Akhir sekali, ujian terhadap hipotesis yang telah dibentuk akan dibuat untuk menentukan tahap hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Analisis ini diharap dapat mencapai objektif dan tujuan kajian ini serta menjawab persoalan seperti yang telah diterangkan dalam bab-bab sebelum ini.

5.2 Kadar maklumbalas soalselidik

Secara umumnya, kadar maklumbalas adalah bergantung kepada bilangan dan kesempurnaan borang soalselidik yang dijawab oleh responden. Biasanya

analisa ini dibentangkan dalam bentuk peratusan. Soalselidik telah diedarkan kepada semua pegawai pengurusan dan profesional gred 41 – gred 54 di Universiti Utara Malaysia.

Daripada sejumlah 248 soalselidik yang diedarkan kepada responden melalui serahan tangan, pos dan *email*, didapati hanya 89 yang dikembalikan yang memberikan kadar respon sebanyak 35.9%.. Bagaimanapun 11 borang soalselidik atau 4.4% hanya diterima semasa proses memasukkan data dilakukan. Keadaan ini menyebabkan hanya 78 borang soalselidik yang diambilkira untuk dianalisis dan menjadikan kadar responden bagi kajian ini adalah 31.45%. Berdasarkan pandangan (Hair et al., 2010) kadar respon sebanyak 30% telah boleh diterima untuk tujuan kajian.

5.3 Analisis Profail Responden

Jadual 5.1 dan 5.2 di bawah menunjukkan maklumat umum responden yang melibatkan umur, jantina, gred jawatan, status jawatan dan tempoh perkhidmatan responden. Merujuk kepada jadual 5.1, kadar kekerapan dan peratusan adalah untuk maklumat profail peribadi responden. Dari segi taburan jantina responden, peratusannya hampir sama di mana 40 orang (51.3%) adalah responden perempuan dan 38 orang (48.7%) adalah lelaki.

Jadual 5.1: Maklumat Peribadi Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	38	48.7
Perempuan	40	51.3
Jumlah	78	100.0

Umur	Bilangan	Peratus
21-30	9	11.5
31-40	30	38.5
41-50	30	38.5
51-60	9	11.5
Jumlah	78	100.0

Bagi peringkat umur pula, responden berumur 21-30 tahun adalah sebanyak 9 orang (11.5%), berumur 31-40 tahun sebanyak 30 orang (38.5%), responden berumur 41-50 tahun sebanyak 30 orang (38.5%) manakala berumur 51-60 tahun sebanyak 9 orang (11.5%). Didapati kelompok kakitangan yang berumur 31-50 tahun adalah yang teramai iaitu sebanyak 60 orang (77%) dari keseluruhan responden.

Merujuk kepada jadual 5.2 di bawah, penilaian dibuat terhadap rekod perkhidmatan bagi setiap responden dari segi gred jawatan, status jawatan dan tempoh perkhidmatan. Daripada jumlah keseluruhan responden ini, seramai 37 orang (47.4%) mewakili gred 41, manakala 28 orang (35.9%) mewakili gred 44. Ini diikuti oleh gred 48 sebanyak 8 orang (10.3%), gred 52 sebanyak 4 orang (5.1%) dan seorang (1.3) dari gred 54.

Jadual 5.2: Maklumat perkhidmatan responden

Gred Jawatan	Bilangan	Peratus
41	37	47.4
44	28	35.9
48	8	10.3
52	4	5.1
54	1	1.3
Jumlah	78	100.0

Status	Bilangan	Peratus
Tetap	71	91.0
Kontrak	7	9.0
Jumlah	78	100.0

‘Jadual 5.2, sambungan’

Tempoh Perkhidmatan	Bilangan	Peratus
Sehingga 3 tahun	6	7.7
Lebih 3 - 10 tahun	22	28.2
Lebih 10 - 15 tahun	14	17.9
Lebih 15 - 20 tahun	20	25.6
Lebih 20 tahun	16	20.5
Jumlah	78	100.0

Bagi status jawatan pula, sebanyak 71 orang (91%) daripada responden adalah berjawatan tetap manakala selebihnya sebanyak 7 orang (9%) adalah berjawatan kontrak. Bagi tempoh perkhidmatan responden pula, ianya terbahagi kepada lima (5) kategori di mana seramai 6 orang (7.7%) telah berkhidmat kurang dari 3 tahun, untuk tempoh perkhidmatan dari 3-10 tahun adalah seramai 22 orang (28,2%), manakala seramai 14 orang (17.9) pula berkhidmat selama 10-15 tahun, 20 orang (25.6%) lagi telah berkhidmat selama 15-20 tahun dan selebihnya sebanyak 16 orang (20.5%) adalah kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun.

5.4 Analisis Diskriptif

Analisa diskriptif dilakukan untuk semua pembolehubah dengan melibatkan nilai minima, maksima min (purata) dan sisihan piawai. Analisa diskriptif digunakan untuk mengetahui tentang kecenderungan pembolehubah yang dipilih dengan melihat kepada data purata (mean data). Semakin tinggi nilai *mean* menunjukkan responden memberi maklumbalas yang positif. Menurut Veloo & Rahman (2012), pengkelasan nilai min boleh dikelaskan mengikut nilai seperti di Jadual 5.3 di bawah:

Jadual 5.3: Jadual pengkelasan min (Veloo & Rahman, 2012)

Nilai Min	Perihal
1.00 - 1.80	Sangat lemah
1.81 - 2.60	Lemah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Manakala sisihan piawai (*standard deviation*) digunakan untuk mengukur taburan keputusan/pemilihan skala oleh responden. Semakin tinggi sisihan piawai menunjukkan taburan data yang menyeluruh.

Jadual 5.4: Statistik min dan sisihan piawai

Bil.		N	Mean	Sisihan Piawai
1	Keberkesanan Audit dalam	78	4.1252	.52570
2	Audit Dalam yang Kompeten	78	4.0311	.48000
3	Kebebasan Audit Dalam	78	4.0625	.50595
4	Hubungan Audit Dalam dan Auditee	78	4.0817	.48047
5	Sokongan Pengurusan	78	4.1763	.54372

Jadual 5.4 di atas menunjukkan statistik min dan sisihan piawai bagi pembolehubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Berdasarkan nilai *mean* yang melebihi 4.0 bagi semua pembolehubah, ia menunjukkan semua *auditee* bersetuju dengan soalselidik yang dikemukakan. Bagi sisihan piawai pula, nilai yang diperolehi oleh pembolehubah berkenaan adalah antara 0.48 - 0.54 yang menunjukkan taburan skala yang lebih menyeluruh. Ia menunjukkan *auditee* bersetuju tentang maklumat atau elemen yang digunakan dalam soalselidik bagi setiap pembolehubah.

5.5 Analisa kebolehpercayaan

Analisa ini berbentuk statistik diskriptif dan digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan (kestabilan dan konsisten) pembolehubah dari soalselidik (Sekaran,2003). Kajian ini menggunakan Cronbach's Alpha untuk menguji kebolehpercayaan soalselidik. Cronbach's Alpha adalah asas pengukuran yang selalu digunakan untuk mengukur konsisten dan kebolehpercayaan data.

Nilainya antara 0 - 1 untuk menunjukkan samada setiap pembolehubah mempunyai hubungkait yang boleh diterima dan semakin tinggi nilai Cronbach's Alpha maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaannya.

Dari segi kebolehpercayaan, (Hair et al, 2009) berpendapat nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap tidak boleh diterima manakala nilai yang melebihi 0.6 dianggap boleh diterima. Hair et al, (2009) membentuk jadual yang menunjukkan asas nilai Cronbach's Alpha sepertimana Jadual 5.5 berikut:

Jadual 5.5: Asas nilai Cronbach Alpha

Julat koefisien alpha	Kekuatan Hubungkait
< 0.6	Lemah
0.6 - <0.7	Sedang
0.7 - <0.8	Baik
0.8 - <0.9	Sangat baik
0.9	Cemerlang

Jadual 5.5 menunjukkan Cronbach's Alpha bagi semua pemboleh ubah yang hendak diukur. Kajian yang dilakukan telah menyatakan nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.7 atau lebih menunjukkan pembolehubah ini boleh diterima (Kline, 2009; Cohen dan Sayag, 2010). Bagaimanapun, statistik seperti di Jadual 5.6 untuk setiap pembolehubah menunjukkan nilai antara 0.871 - 0.942 bagi kesemua item. Keadaan ini menunjukkan kebolehpercayaan data adalah baik dan konsisten untuk membolehkan analisa data kajian dilaksanakan.

Jadual 5.6 : Ujian Reliabiliti

Bil.	Pembolehubah	N of Items	Cronbach's Alpha
1	Keberkesanan Audit Dalam	13	.942
2	Audit Dalam yang kompeten	7	.893
3	Kebebasan Audit Dalam	8	.871
4	Hubungan Audit Dalam dan Auditee	8	.918
5	Sokongan Pengurusan	4	.919

5.6 Analisis Statistik Inferensi

5.6.1 Ujian Korelasi Pearson

Ujian bertujuan menguji hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Jadual 5.6 dibawah menunjukkan keputusan analisa korelasi. Secara keseluruhan, analisa mendapati semua pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan korelasi positif signifikan antara pembolehubah bersandar (keberkesanan audit dalam) dan pembolehubah bebas (audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, hubungan audit dalam dan *auditee* dan sokongan pengurusan). Korelasi keofisien menunjukkan nilai yang melebihi 0.5 iaitu berada antara julat 0.569 – 0.661.

Jadual 5.7: Ujian Korelasi Pearson

		Correlations				
		Kompeten	Kebebasan	Hubungan	Sokongan	Auditdalam
Kompeten	Pearson Correlation	1	.618**	.556**	.571**	.661**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000
	N	78	78	78	78	78
Kebebasan	Pearson Correlation	.618**	1	.675**	.673**	.602**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.000
	N	78	78	78	78	78
Hubungan	Pearson Correlation	.556**	.675**	1	.674**	.571**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000
	N	78	78	78	78	78
Sokongan	Pearson Correlation	.571**	.673**	.674**	1	.569**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000
	N	78	78	78	78	78
Auditdalam	Pearson Correlation	.661**	.602**	.571**	.569**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	
	N	78	78	78	78	78

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Nilai ini menunjukkan hubungan yang signifikan antara pembolehubah ini berdasarkan skala yang diberikan oleh (Julie Pallen, 2007) di mana nilai korelasi yang melebihi 0.5 adalah menggambarkan hubungan yang signifikan. Ia menunjukkan hubungan yang selari di mana jika pembolehubah bebas

meningkat, maka keberkesanan audit daalam pun meningkat. Hasil kajian ini disokong oleh kajian terdahulu seperti Zulkifli Baharuddin (2014); Sayag (2010), Alzeban & Gwilliam (2014) dan George et al.,(2015) yang mendapati pembolehubah-pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang positif signifikan dengan pembolehubah bersandar iaitu keberkesanan audit dalam.

5.7 Analisis Regresi berganda

Analisis ini bertujuan membuktikan wujud hubungan antara hubungan antara empat pembolehubah bebas (audit dalam yang kompeten, kebebasan audit dalam, Hubungan antara audit dalam dan *auditee* dan Sokongan Pengurusan) dengan pembolehubah bersandar (Keberkesanan Audit dalam)

Jadual 5.8: Jadual Ringkasan Model

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.724 ^a	.524	.498	.37260

a. Predictors: (Constant), Sokongan, Kompeten, Hubungan, Kebebasan

Berdasarkan jadual 5.8 di atas, nilai bagi *R-square* adalah 0.524 manakala *adjusted R-square* adalah 0.498. Ini menunjukkan bahawa 52.4% pembolehubah-pembolehubah bebas mempengaruhi keberkesanan audit dalam.

Jadual 5.9: Jadual Anova

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	11.145	4	2.786	20.070	.000 ^b
	Residual	10.134	73	.139		
	Total	21.279	77			

a. Dependent Variable: Auditdalam

b. Predictors: (Constant), Sokongan, Kompeten, Hubungan, Kebebasan

Berdasarkan jadual 5.9 Anova pula, nilai F adalah 20,070 dan signifikan pada paras Sig.0.000 dan model yang digunakan menggambarkan model yang signifikan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

Jadual 5.10: Analisis Regresi

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
Kompeten	.440	.118	.402	3.730	.000
Kebebasan	.174	.131	.168	1.337	.185
Hubungan	.163	.132	.149	1.232	.222
Sokongan	.122	.118	.126	1.038	.302

a. Dependent Variable: Auditdalam

Berdasarkan jadual 5.10 di atas pula, koefisien bagi kompeten adalah pada $t=3.730$ dan $p(\text{sig.}) = 0.000$ yang menunjukkan ianya positif dan signifikan dengan keberkesanan audit dalam tahap p adalah $p < 0.005$. Bagi pembolehubah lain, kebebasan ($t=1.337$, $p(\text{sig.})=0.185$), hubungan ($t=1.232$,

$p(\text{sig})=0.185$), sokongan ($t=1.337$, $p(\text{sig})=0.185$) menunjukkan nilai t yang rendah dan nilai $p(\text{sig.})$ lebih tinggi dari syarat $p<0.005$. Ini menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah ini tidak mempunyai kesan yang positif atau signifikan dengan pembolehubah keberkesanan audit dalam.

5.8 Keputusan Hipotesis

Berdasarkan analisa yang dibuat, keputusannya adalah seperti di Jadual 5.10 di bawah.

Jadual 5 11: Pengujian Hipotesis

Bil.	Hipotesis	Keputusan
H1	Audit dalam yang kompeten	Terima
H2	Kebebasan audit dalam	Tolak
H3	Hubungan audit dalam dan <i>auditee</i>	Tolak
H4	Sokongan pengurusan	Tolak

5.9. Kesimpulan

Berdasarkan analisa yang dibuat di dapati wujud hubungan yang signifikan antara pembolehubah bebas dan bersandar. Secara kolektif, kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor pembolehubah bebas (Kompetensi Audit Dalam, Kebebasan Audit Dalam, Hubungan Audit Dalam dan Auditee dan

Sokongan Pengurusan) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pembolehubah bersandar (Keberkesanan Audit Dalam)

Secara individu, tahap kekuatan hubungan adalah berbeza. Hanya audit dalam yang kompeten sahaja menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan keberkesanan audit dalam.



BAB ENAM

KESIMPULAN, LIMITASI DAN CADANGAN

6.1 KESIMPULAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia berdasarkan persepsi *auditee*. 78 soalselidik telah dikembalikan dari 248 yang diedarkan.

Terdapat empat hipotesis yang diuji dan secara keseluruhannya, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Bagaimanapun, analisa secara individu, didapati hanya Hipotesis 1 sahaja yang diterima yang mana pemboleh ubah audit dalam yang kompeten sahaja mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan keberkesanan audit dalam manakala tiga (3) lagi hipotesis tidak menunjukkan hubungan yang positif signifikan.

6.2 LIMITASI

Terdapat beberapa halangan dan limitasi untuk menyempurnakan kajian ini. Dari segi data yang dikutip, pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan sejumlah yang diinginkan kerana ada di kalangan responden memaklumkan tidak dapat menjawab soalan dengan berkesan kerana kurang

pengetahuan atau terlibat secara langsung dalam proses pengauditan oleh audit dalam di jabatan.

Selain itu, faktor limitasi masa membuat pengkaji sukar untuk mendapatkan data dari semua jabatan yang ada.

6.3 CADANGAN

Bagi memantapkan keberkesanan audit dalam di Universiti Utara Malaysia, pengkaji berpendapat kajian yang sama boleh dibuat ke atas seluruh *auditee* yang terdiri di kalangan staf pentadbir, pihak pengurusan atasan dan para akademik. Penglibatan *auditee* yang dipilih haruslah mempunyai pengalaman secara langsung dalam proses audit dalam jabatan. Ini bertujuan untuk mengenalpasti ada terdapat perbezaan dari segi persepsi dan skop di antara pihak *auditee* yang datangnya dari kumpulan yang berbeza.

Dalam kajian ini, hanya satu faktor iaitu audit dalam yang kompetyen sahaja yang menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan ke atas keberkesanan audit dalam di UUM. Kajian akan datang disyorkan agar mengenalpasti, mengguna dan menambah pembolehubah-pembolehubah yang lain untuk menguji keberkesanan fungsi audit dalam di Universiti Utara Malaysia.

Bibliography

- Institut of Internal Auditors. (2015). *The framework for internal audit effectiveness: The new IPPF*. Florida: The Institute of Internal Auditors.
- A Md Ali, A Ahmi, A Ali and MZ Ghazali, JD Gloeck & TH Lee. (2009). Internal audit in the federal organizations of Malaysia: is there light at the end of the long dark tunnel? *Southern African Journal of Accountability and Auditing Research*, 9,26-32.
- A Md Ali, JD Gloeck, A Ali, A Ahmi & MH Sahdan. (2007). Internal audit in the state and local governments of Malaysia. *Southern African Journal of Accountability and Auditing*, 32-41.
- Adam, M. (1994). Agency theory and internal audit. *Managerial Auditing Journal*, 9(8), 8-12.
- Ahmad, N., Othman, R. & Jusoff, K. (2009). The effectiveness of internal audit in Malaysian public sector. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 784-790.
- Ali., A. M. (2011). Internal audit in statutory bodies and government-linked companies of Malaysia: The never ending saga. *Journal of Public Administration and Governance*, 268-279.
- Ali., A. M. (2012). Internal audit in the federal Government Organizations of Malaysia: The good, the bad and the very ugly? *Asian Journal of Business and Governance*, 2(1),89-95.
- Alzeban, A, & Gwilliam, D. (2012). Perceptions of managers and internal auditors as to factors affecting the effectiveness of internal audit in the public sector context. *iacg Conference*. Verona, Italy.
- Alzeban, A., Sawan, N. (2013). The role of internal audit function in the public sector context in Saudi Arabia. *African Journal of Business Management*, 7(6), 443-454.
- Alzebann A, Gwilliam, D. (2014). Factors affecting the internal audit effectiveness: A survey of the Saudi public sector. *Journal International Accounting Auditing Taxation*, 23:74-86.
- Arena M, Arnaboldi M & Azzone G. (2006). Internal audit in Italian organizations: A multiple case study. *Managerial Auditing Journal*, 275-292.

- Arena M, Azzone G. (2009). Identifying Organizational Drivers of Internal Audit Effectiveness. *International Journal of Audit*, 43-60.
- Arena M., Azzone G. (2010). Internal audit effectiveness: Relevant drivers of auditees satisfaction. *Journal of Applied Accounting Research*, 1-35.
- Auditor General Speech. (2012). Enhancing Accountability and Integrity in Malaysian Public Sector- Are we doing enough. *Perdana Discourse; Lead 14*.
- Badara, M.S, & Saidin, S.Z. (2012). The relationship between risk management and internal audit effectiveness at local government level. *Journal of Social and Development Sciences*, 3(12), 404-411.
- Badara, M.S, & Saidin, S.Z. (2013). Antecedents of internal audit effectiveness: A moderating effect of effective audit committee at local government in Nigeria. *International Journal of Finance and Accounting*, 2(2), 82-88.
- Badara, M.S, & Saidin, S.Z. (2013). Impact of the effective internal control system on the internal audit effectiveness at local government level. *Journal of Social and Development Sciences*, 4(1), 16-23.
- Baharuddin, Z. (2014). Factors that contribute to the effectiveness of internal audit in public sector.
- Burugeya, P. (2007). The role of internal auditing in the organizational performance of the Rwanda revenue authority.
- Cohen, A., & Sayag, G. (2010). The effectiveness of internal auditing: an empirical examination of its determinants in Israeli organisations. *Australian Accounting Review*, 296-307.
- Cristina, B., & Cristina, P. (2008). Measuring and assessment of internal audit's effectiveness. *Economic Science Series*, (58), 784-791.
- Dittenhofer, M. (2001). Internal audit effectiveness: an expansion of present methods. *Managerial Auditing Journal*, 16, 443-450.
- Endaya AK, Hanefah MM. (2013). Internal audit effectiveness: An approach proposition to develop theoretical framework. *Res. J. Finance Accounting*, 4(10), 92-103.
- Endaya, K.E., & Hanefah, M.M. (2013). Internal audit effectiveness: An approach proposition to develop the theoretical framework. *Research Journal of Finance and Accounting*, 4(10), 92-102.

- Faudziah, H.F., Hasnah, H., & Muhamad, J. (2005). Internal Auditing Practices and internal control system. *Managerial Auditing Journal*, 20(8), 844-866.
- George, D., Theofanis, K., & Konstantinos, A. (2015). Factors associated with Internal audit effectiveness: Evidence from Greece. *Journal of accounting and taxation*, 7(7), 113-122.
- Hair, J. F. Jr., Babin, B, Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essential of Business research methods*. United States of America: John Wiley & Sons.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective (seventh edition)*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Hair, J.F., Money, A.L., Samouel, P. & Page, M. (2007). *Research Method for Business*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Halimah @ Nasibah Ahmad, Radiah Othman, Rohana Othman & Kamaruzaan Jusoff. (2009). The effectiveness of internal audit in Malaysian Public sector. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 5(9), 55-60.
- Halimah @ Nasibah Ahmad, Rohana Othman, & Radiah Othman. (2010). Internal & External factors influencing effectiveness of internal audit department in Malaysian local authorities. *ANZAM*, Pp 1-18.
- Institut of Internal Auditors (IIA). (1979). *Standards for the professional practice of internal auditing*. Altamonte Springs.
- Institute of Internal Auditor (IIA). (2010). *Measuring Internal Audit Effectiveness and efficiency. IPPF Practice Guide*. Florida.
- Md Ali, A. G. (2012). Internal Audit in Statutory Bodies and government linked companies of Malaysia (2005-2008): Dream of dreams? *Southern African Journal of Accountability and Auditing Research*, 13,2-7.
- Mebratu, A. (2012). Challenges of internal audit function in public sector governance: Empirical evidence from Ethiopia. *International Journal of Research in Computer Application & Management*, 2(11), 23-32.
- Micheal B. Adams. (1994). Agency Theory and the Internal Audit. *Managerial Auditing Journal*, 9(8), 8-12.
- Mihret, D.G., & Yismaw, A.W. (2007). Internal audit effectiveness: an ethiopian public sector case study. *Managerial Auditing Journal*, 22, 470-484.

- Noor Nizah, Z. (2012). Kesan kualiti audit dan sokongan pengurusan terhadap keberkesanan fungsi audit dalamani sektor awam di Malaysia. *Tesis Ijazah Sarjana Perakaunan*.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for windows*. Open University Press.
- Robbins, S. (1993). *Organizational Behavior*. New Jersey: Prentice Hall International Inc.
- Sawyer, L. (1995). An internal audit philosophy. In *The Internal Auditor* (pp. 46-55).
- Sayag, A. (n.d.). The effectiveness of internal auditing: an Emperical Examination of its Determinants of Israeli Organizations.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business: A skill building approach (5th. ed)*. West Sussex, UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Sekaran, U.,& Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business*. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- The Institute of Internal Auditor (IIA). (2013). *The Institute of Internal Auditors*. Retrieved 2016, from The Institute of Internal Auditors Web Site: <https://www.theiia.org>.
- The Institute of Internal Auditors. (2010). *Measuring Internal Audit Effectiveness and Efficiency*. Florida: The Institute of Internal Auditors.
- Ussahawanitchakit, A., & Intakhan, A. (2011). Audit professionalism, audit independence and audit effectiveness of CPAs in Thailand. *International Journal of Business Research*, 11(2), 1-11.